

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR PUAN RAS ADIBA BINTI
MOHD RADZI**

SOALAN

Puan Ras Adiba binti Mohd Radzi minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah tindakan dan usaha pihak Kementerian dalam mengenal pasti golongan Orang Kurang Upaya (OKU) yang tidak berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat serta apakah persediaan Kerajaan dalam berhadapan dengan penambahan jumlah OKU pada masa akan datang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Permohonan Pendaftaran Orang Kurang Upaya (OKU) dilaksanakan menurut Seksyen 22(1) Akta Orang Kurang Upaya 2008. Garis Panduan Pendaftaran OKU menetapkan bahawa pendaftaran OKU dilakukan secara permohonan atas dasar sukarela dan hanya untuk warganegara Malaysia. Agensi yang terlibat dalam pendaftaran OKU adalah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Untuk mengenal pasti golongan OKU yang tidak berdaftar dengan JKM, pendaftaran OKU dilaksanakan di setiap Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah dan terbuka kepada OKU di semua kawasan termasuk kawasan bandar, luar bandar, setinggan, kampung, ladang, perkampungan orang asli dan sebagainya. JKM telah menggunakan beberapa kaedah untuk meningkatkan kesedaran tentang pendaftaran kepada OKU yang belum berdaftar melalui pelbagai program *outreach* seperti:

- i. Penerangan tentang ketidakupayaan semasa Kempen Pendaftaran OKU;
- ii. Khidmat nasihat kepada ibu bapa yang memerlukan di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah;
- iii. Rujukan kes kepada pakar / pegawai perubatan di daerah atau klinik kesihatan untuk pengesahan dan cadangan pemulihan;
- iv. Penerangan oleh pihak Pertubuhan Sukarela Kebajikan yang berdaftar di bawah JKM;
- v. Penerangan tentang pendaftaran OKU semasa temu bual di media cetak atau elektronik; dan
- vi. Mengedarkan risalah pendaftaran OKU kepada orang awam.

Selain itu, KKM juga menyalurkan pelbagai maklumat dan informasi tentang OKU. Borang Permohonan Pendaftaran OKU diedarkan di semua hospital dan klinik kesihatan agar pegawai perubatan dapat menasihatkan ibu bapa untuk mendaftar kanak-kanak yang telah dikenal

SOALAN NO. : 21

pasti sebagai OKU untuk berdaftar dengan segera agar langkah intervensi yang sesuai dapat disediakan kepada kanak-kanak berkenaan.

Kerajaan sentiasa bersedia untuk menghadapi pertambahan jumlah OKU pada masa akan datang dengan menyediakan pelbagai kemudahan dan keistimewaan yang sering ditambah baik. Walau bagaimanapun, Kerajaan menyeru agar OKU yang belum berdaftar perlu berbuat demikian untuk mengetahui bilangan, taburan dan kategori OKU di negara ini bagi maksud merancang program dan perkhidmatan berkaitan dengan pencegahan, pendidikan, habilitasi dan rehabilitasi serta latihan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR PUAN RAS ADIBA BINTI
MOHD RADZI**

SOALAN

Puan Ras Adiba binti Mohd Radzi minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah bilangan OKU B40 di negara ini serta apakah inisiatif dan usaha yang telah diambil untuk mengurangkan tahap kemiskinan OKU.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sehingga Julai 2020, jumlah OKU yang berdaftar dengan JKM melalui Sistem Maklumat Orang Kurang Upaya (SMOKU) adalah seramai **567,435** orang.

Pelbagai inisiatif dan usaha bagi mengurangkan tahap kemiskinan OKU bukan sahaja dari segi bantuan meliputi kerjasama Kementerian/ Jabatan/ Agensi yang diselaraskan di bawah Pelan Tindakan OKU 2016-2022 atau dasar berkaitan OKU sebagai contoh Dasar Satu Peratus (1%) Peluang Pekerjaan kepada OKU di Sektor Awam, Program Jabatan Tenaga Kerja Skim Bantuan Galakan Perniagaan (SPGB).

JKM menyalurkan bantuan kepada kumpulan sasar yang layak termasuk golongan OKU. Terdapat beberapa skim Bantuan Kewangan Bulanan dan Bantuan Sekaligus yang boleh memberi manfaat kepada golongan OKU yang layak, iaitu:

1. Bantuan Kewangan Bulanan

- 1.1 Elaun Pekerja Cacat (EPC) dengan kadar RM400 sebulan;
- 1.2 Bantuan OKU Tidak Bekerja (BTB) dengan kadar RM250 sebulan; dan
- 1.3 Bantuan Penjagaan OKU Terlantar/Pesakit Kronik Terlantar (BPT) dengan kadar RM350 sebulan.

Sehingga bulan Jun 2020 seramai 190,000 penerima bantuan di bawah Skim Bantuan OKU dan sebanyak RM371.8 juta telah disalurkan kepada golongan OKU yang layak.

2. Bantuan Sekaligus

- 2.1 Bantuan Alat Tiruan dan Sokongan (BAT), kadar mengikut harga BAT sebenar. Sehingga bulan Jun 2020 seramai 594 OKU layak menerima BAT dan sebanyak RM1.08 juta telah

disalurkan kepada golongan OKU yang layak dan memerlukan bantuan alat tiruan dan sokongan.

2.2 Program *2 Years Exit (2YEP)* bagi memperkasakan OKU ke arah berdikari dan menceburi bidang keusahawanan melalui pemberian modal dan bimbingan untuk memulakan perniagaan. Sehingga kini terdapat 1,882 orang OKU telah diluluskan bantuan geran pelancaran di bawah *2YEP* dengan jumlah peruntukan sebanyak RM5.08 juta.

3. **Bantuan Khas Orang Kurang Upaya PENJANA**

Berdasarkan statistik Sistem Pengurusan Bantuan Kebajikan (*eBantuanJKM*) sehingga Julai 2020, seramai 190,000 OKU layak menerima Bantuan Khas Orang Kurang Upaya PENJANA. Kadar Bantuan Khas ini adalah sebanyak RM300 secara *one-off*.

Bagi melaksanakan tanggungjawab ini Kementerian Kewangan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM57 juta. Bantuan Khas ini merupakan bantuan bersasar yang dikhususkan kepada penerima bantuan di bawah skim Bantuan Kewangan Bulanan OKU iaitu Elaun Pekerja Cacat (EPC), Bantuan Orang Kurang Upaya Tidak Bekerja (BTB) dan Bantuan Penjagaan OKU Terlantar/Pesakit Kronik Terlantar (BPT).

Sehingga 5 Ogos 2020, bagi fasa 1, seramai 185,770 orang (97%) telah menerima Bantuan Khas ini dengan jumlah peruntukan yang telah disalurkan sebanyak RM55.7 juta. JKM kini sedang memproses bagi pembayaran fasa 2 kepada seramai 4,230 penerima baru bagi bulan Jun, Julai dan Ogos 2020 dengan peruntukan sebanyak RM1.3 juta. Bayaran akan diterima selewat-lewatnya pada 31 Ogos 2020.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR. PUAN RAS ADIBA BINTI
MOHD RADZI**

SOALAN

Puan Ras Adiba binti Mohd Radzi minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah tindakan pihak Kementerian dalam memperkasakan Akta 685 bagi menentukan wakil OKU di dalam PBT.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam usaha memperkasakan Akta Orang Kurang Upaya 2008 [Akta 685], Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah mengemukakan Memorandum Jemaah Menteri (MJM) Pelan Tindakan Aksesibiliti Orang Kurang Upaya di bawah Aspek Persekitaran Fizikal bagi Panduan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang mencadangkan supaya Orang Kurang Upaya (OKU) atau wakil dilibatkan dalam mekanisme perancangan dan pembangunan di PBT dan unit atau pasukan audit akses ditubuhkan di PBT.

Walau bagaimanapun, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) berpandangan bahawa tiada keperluan melantik OKU atau wakil dalam Jawatankuasa Teknikal di peringkat perancangan dan pembangunan di PBT. Sebaliknya wakil OKU akan dilibatkan semasa proses pembangunan dasar di peringkat Kementerian. Selain itu, beberapa piawaian Standards Malaysia telah disediakan oleh SIRIM bagi memastikan keperluan OKU diambil kira.

KPWKM telah menyediakan manual dan senarai semak audit akses bagi tujuan penarafan bintang dan membantu PBT di setiap negeri menjalankan audit akses di bawah aspek persekitaran fizikal. Satu MJM berkenaan manual dan senarai semak audit akses akan dikemukakan untuk pertimbangan Jemaah Menteri sebelum diangkat ke Mesyuarat Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan (MNKT).

Adalah diharapkan dengan pelaksanaan audit akses ini, penglibatan OKU dalam mekanisme perancangan dan pembangunan di peringkat PBT dapat diperluaskan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR PUAN HAJAH SABANI
BINTI MAT**

SOALAN

Puan Hajah Sabani binti Mat minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapakah agihan bantuan menerusi Tabung Prihatin YKN-JKM yang dilancarkan Februari lalu selepas bermulanya Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sehinggalah Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Tabung Prihatin YKN-JKM telah dilancarkan pada 17 Februari 2020 dan merupakan tabung khas dalam menyelaraskan sumbangan kewangan yang diterima daripada pihak korporat, swasta, masyarakat dan orang perseorangan untuk disalurkan kepada rakyat Malaysia yang memerlukan bantuan segera dalam keadaan terdesak berdasarkan maklumat yang diperakukan oleh kedua-dua agensi iaitu Yayasan Kebajikan Negara (YKN) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Kategori bantuan yang dipertimbangkan bagi penyaluran melalui Tabung Prihatin YKN-JKM adalah bantuan serta merta yang bersifat sekali gus (*one-off*), bantuan segera melalui aktiviti pendampingan sosial, mangsa bencana kecil/ kes terpencil dan juga kes terdampar.

Berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah diumumkan pada 18 Mac 2020 akibat penularan wabak COVID-19, Tabung Prihatin YKN-JKM telah diperluaskan fungsinya sebagai platform kepada syarikat korporat dan orang ramai untuk menderma kepada rakyat Malaysia yang terputus bekalan makanan dan terjejas sumber pendapatan sepanjang tempoh PKP sehingga Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).

Inisiatif yang berterusan melalui penubuhan tabung ini telah menarik minat syarikat korporat dan orang ramai untuk menderma dan membantu kumpulan sasaran yang terjejas semasa tempoh PKP. Sepanjang tempoh PKP hingga ke PKPP, Tabung Prihatin YKN-JKM telah mengumpul sebanyak RM540 ribu melalui sumbangan pihak korporat, swasta dan orang perseorangan dan telah diagihkan kepada 8,262 orang yang terputus bekalan makanan dan terjejas punca pendapatan. Agihan bantuan ini telah disalurkan kepada penerima dalam bentuk bakul makanan dan disampaikan mengikut prosedur operasi standard yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR TUAN HAJI IDRIS BIN
AHMAD**

SOALAN

Tuan Haji Idris bin Ahmad minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan data berkenaan permohonan Bantuan Khas Ibu Tunggal (BKIT) yang telah diluluskan Kementerian sepanjang tahun ini dari Januari sehingga Ogos.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) yang telah diumumkan pada 5 Jun 2020 oleh YAB Perdana Menteri Malaysia adalah salah satu pendekatan inklusif dan holistik oleh Kerajaan dalam usaha memulihkan ekonomi Malaysia. Di bawah PENJANA, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) diperuntukkan sebanyak RM45 juta bantuan sosial kepada ibu tunggal bagi meringankan beban mereka.

Bantuan kewangan yang dikenali sebagai Bantuan Khas Ibu Tunggal (BKIT) ini dikendalikan oleh Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN).

BKIT merupakan bantuan kewangan berjumlah RM300.00 yang dibayar secara *one-off* kepada ibu tunggal yang layak. Sebanyak **22,390** permohonan telah diluluskan sehingga 17 Ogos 2020.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR TUAN HAJI IDRIS BIN
AHMAD**

SOALAN

Tuan Haji Idris bin Ahmad minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan statistik perceraian rumah tangga yang berlaku sepanjang PKP dilaksanakan dan puncapuncanya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, agensi Kerajaan yang bertanggungjawab untuk mendaftarkan perkahwinan dan perceraian bagi pasangan beragama bukan Islam ialah Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Kementerian Dalam Negeri. Manakala statistik bagi pendaftaran kes cerai bagi orang Islam adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) dan statistik kes cerai bagi orang Islam pula di bawah pengurusan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Agama Islam Negeri masing-masing.

JPN turut mengemas kini suatu rekod perkahwinan melalui sesuatu dikri perceraian atau pembatalan perkahwinan yang dikeluarkan oleh pihak Mahkamah selaras dengan peruntukan di bawah Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 [*Akta 164*]. Untuk makluman, JPN menerima dan mendaftarkan perceraian pasangan beragama bukan Islam sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mulai 18 Mac 2020 hingga 24 Ogos 2020, sebanyak 4,238 perceraian pasangan beragama bukan Islam telah didaftarkan.

Kes-kes cerai yang didaftarkan oleh JKSM sepanjang tempoh PKP adalah meliputi kes Tuntutan Fasakh, Tuntutan Pengesahan Lafaz Cerai, Tuntutan Perceraian, Tuntutan Khuluk/Tebus Talaq dan Tuntutan Pengesahan Cerai Taklik. Pendaftaran kes cerai di mahkamah syariah seluruh negara sepanjang tempoh PKP (18 Mac 2020 hingga 3 Mei 2020) adalah sebanyak 11 kes sahaja. Manakala dalam tempoh PKPB (4 Mei 2020 hingga 9 Jun 2020) pula kes cerai di mahkamah syariah seluruh negara yang didaftarkan adalah sebanyak 3,708 kes.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR TUAN HAJI IDRIS BIN
AHMAD**

SOALAN

Tuan Haji Idris bin Ahmad minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sejauh mana gangguan kesejahteraan psikologi berlaku dalam kalangan warga emas dan statistik kes kematian warga emas akibat bunuh diri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Gangguan kesejahteraan psikologi dalam kalangan warga emas adalah keadaan ketidakmampuan individu menghadapi tekanan kehidupan dan merasakan diri mereka disisihkan, berasa sunyi dan tidak dipedulikan, kecewa, masalah kemurungan dan kehidupan adalah penuh dengan kesengsaraan.

Berdasarkan statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sehingga Jun 2020, terdapat seramai **2,320** orang warga emas yang mengalami gangguan dalam kesejahteraan psikologi, diberi perlindungan di institusi JKM iaitu di Rumah Seri Kenangan dan Rumah Ehsan. Sehingga Jun 2020, seramai **566** warga emas mendapatkan perkhidmatan intervensi kaunseling dari JKM dengan bulan April 2020 mencatatkan bilangan tertinggi iaitu seramai **257** orang yang membabitkan masalah kewangan.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) melalui JKM menyediakan perkhidmatan intervensi iaitu intervensi kaunseling termasuk telekaunseling, intervensi psikopendidikan / psikoterapi, intervensi krisis dan sokongan psikologi serta bimbingan dan konsultasi bagi menangani gangguan kesejahteraan psikologi kepada komuniti dan kumpulan sasaran termasuk warga emas.

Berdasarkan statistik oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) seperti yang dilaporkan ke Pusat Informatik Kesihatan KKM, bilangan kematian warga emas yang berumur 60 tahun dan ke atas akibat mencederakan diri sendiri dari tahun 2014 hingga 2019 adalah sebanyak **47** kes.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR PUAN NURIDAH BINTI
MOHD SALLEH**

SOALAN

Puan Nuridah binti Mohd Salleh minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat membina lebih banyak premis perlindungan untuk wanita yang menjadi mangsa dalam keganasan rumah tangga.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) telah melaksanakan projek rintis untuk memperluas perkhidmatan dengan menjadikan dua (2) buah Rumah Perlindungan Wanita ATIPSOM sebagai Rumah Transit Sementara bagi mangsa kes Keganasan Rumah Tangga di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 [*Akta 521*] dengan kerjasama semua agensi di bawah penguatkuasaan KPWKM serta Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) terlibat.

Dua (2) buah rumah tersebut terletak di Kelantan dan Kota Kinabalu, Sabah bermula Julai 2020 yang lalu. Sesi libat urus dengan agensi serta NGO terlibat juga telah dilaksanakan pada 29 Jun 2020 (Kelantan) dan 9 Julai 2020 (Kota Kinabalu).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR PUAN NURIDAH BINTI
MOHD SALLEH**

SOALAN

Puan Nuridah binti Mohd Salleh minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan status cadangan pelaksanaan pengasingan bilik kanak-kanak berlainan jantina seawal tujuh tahun bagi mengelakkan berlakunya kes sumbang mahram.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sumbang mahram merupakan satu gejala yang semakin serius yang bukan sahaja mendapat perhatian masyarakat, malahan pihak kerajaan pada masa kini. Kes sumbang mahram ini sangat membimbangkan apabila ianya terjadi dalam institusi kekeluargaan itu sendiri. Walhal, keluarga merupakan institusi yang paling selamat kepada anak-anak untuk mendapatkan pemeliharaan dan perlindungan.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) memandang serius berkenaan perkara ini dan tegas berpendirian bahawa perlunya pengasingan bilik kanak-kanak yang berlainan jantina apabila telah mencapai usia 7 hingga 10 tahun. KPWKM turut berpandangan bahawa pengasingan bilik kanak-kanak juga merupakan asas yang penting dalam pendidikan dan pengurusan seksual anak-anak.

Dalam hal ini, Dasar Perumahan Negara (2018-2025) di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menggariskan berkenaan keperluan kepada perumahan yang berkualiti untuk semua. Tambahan pula, Standard Industri Pembinaan yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kerja Raya (KKR) juga telah menetapkan bilangan bilik tidur bagi setiap unit kediaman hendaklah tidak kurang daripada tiga (3) buah bilik.

Ini menunjukkan Kerajaan peka akan keperluan asas bagi menjamin kesejahteraan sesebuah keluarga. Oleh itu, pembinaan rumah kos rendah yang hanya memiliki dua (2) buah bilik hendaklah diperhalusi semula bagi menangani masalah sosial seperti sumbang mahram yang kebanyakannya melibatkan keluarga yang mempunyai tahap ekonomi yang rendah.

Dengan adanya usaha-usaha berterusan seperti ini, bukan sahaja kita dapat memastikan rakyat hidup dalam keadaan yang selesa, malahan dapat membendung salah laku seksual ke atas kanak-kanak di negara ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR PUAN ASMAK BINTI
HUSIN**

SOALAN

Puan Asmak Binti Husin minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan statistik kes perceraian melibatkan Islam dan bukan Islam dari tahun 2010-2020 dan faktor utama yang menyumbang kepada isu tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pembubaran perkahwinan menerusi perceraian merupakan isu yang mendapat sering menjadi perhatian banyak pihak di negara ini. Jabatan Perangkaan Malaysia selaku agensi bertanggungjawab dalam mengumpul data perkahwinan dan perceraian orang Islam dan bukan Islam telah melaporkan bilangan perceraian secara keseluruhan telah mencatatkan penurunan sebanyak 3.2 peratus daripada 51,642 (bagi tahun 2016) kepada 49,965 (bagi tahun 2017).

Walau bagaimanapun, statistik terkini penerbitan Perangkaan Perkahwinan dan Perceraian Malaysia 2019 mendapati bilangan perceraian meningkat sedikit 0.1 peratus daripada 50,314 (bagi tahun 2017) kepada 50,356 (bagi tahun 2018). Daripada jumlah tersebut, pecahan bilangan perceraian orang Islam yang direkodkan pada tahun 2017 adalah 39,709, iaitu penurunan 3.2 peratus berbanding 41,030 pada tahun 2016 sebelum meningkat sedikit 1.4 peratus pada tahun 2018 kepada 40,269.

Bagi orang bukan Islam pula, kadar perceraian menurun 3.4 peratus daripada 10,612 (bagi tahun 2016) kepada 10,256 (bagi tahun 2017) dan terus menurun 4.9 peratus kepada 10,087 pada tahun 2018.

Jadual 1: Bilangan Perceraian dan Kadar Perceraian Kasar (CDR), Malaysia, (2016 – 2018)

Tahun	Bilangan perceraian			Kadar (bagi setiap 1,000 penduduk)		
	Malaysia	Orang Islam	Orang Bukan Islam	Malaysia	Orang Islam	Orang Bukan Islam
2016	51,642	41,030	10,612	1.6	2.1	0.9
2017	50,314	39,709	10,605	1.6	2.0	0.9
2018	50,356	40,269	10,087	1.6	2.0	0.8

Faktor Utama Penceraian

Dapatan Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Kelima (KPKM-5) oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) pada tahun 2014 mendapati lebih separuh (56.2%) lelaki menyatakan punca utama mereka bercerai/berpisah adalah kerana tiada persefahaman. Ini diikuti dengan isteri curang (11.8%) dan campur tangan mentua/ ipar-duai (10.0%). Manakala bagi wanita pula, lebih satu pertiga (38.0%) menyatakan punca utama mereka bercerai/berpisah adalah kerana tiada persefahaman. Ini diikuti dengan suami curang (20.5%) dan suami tidak bertanggungjawab (15.2%).

Punca penceraian/perpisahan (perkahwinan pertama)

Lelaki

Tiada persefahaman	56.2%	
Pasangan curang	11.8%	
Campur tangan mentua/ipar duai	10.0%	
Lain-lain*	22.0%	

* termasuk masalah kewangan, pasangan tidak bertanggungjawab, tiada zuriat, masalah kesihatan pasangan, pasangan terlibat dengan kes jenayah dan sebagainya.

Wanita

Tiada persefahaman	38.0%	
Pasangan curang	20.5%	
Pasangan tidak bertanggungjawab	15.2%	
Campur tangan mentua/ipar duai	6.0%	
Enggan dimadukan	2.8%	
Masalah kewangan	4.7%	
Pasangan terlibat penyalahgunaan bahan terlarang	2.4%	
Lain-lain**	10.4%	

** termasuk didera, tiada zuriat, pasangan ketagihan judi, masalah kesihatan pasangan, pasangan terlibat dengan kes jenayah dan sebagainya.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR TUAN ALAN LING SIE
KIONG**

SOALAN

Tuan Alan Ling Sie Kiong minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan:

- (a) Statistik kes keganasan rumahtangga yang dicatatkan di seluruh negara sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan jumlah kes yang dituduh dan dijatuhkan hukuman oleh mahkamah; dan
- (b) Apakah langkah-langkah proaktif yang diambil oleh Kementerian bagi memastikan masalah penderaan rumahtangga dapat ditangani dengan lebih efektif.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), semenjak pelaksanaan PKP 1 hingga PKP 5 bermula 18 Mac hingga 28 Jun 2020, sebanyak 288 kes aduan mengenai keganasan rumah tangga telah dilayan oleh JKM di seluruh negara. Pecahan kes mengikut negeri adalah seperti berikut:

Bil.	Negeri	Kes
1.	Selangor	: 105 kes
2.	W. P. Kuala Lumpur	: 30 kes
3.	Johor	: 29 kes
4.	Pulau Pinang	: 24 kes
5.	Pahang	: 19 kes
6.	Kedah	: 17 kes
7.	Perak	: 15 kes
8.	Sabah	: 15 kes
9.	Negeri Sembilan	: 14 kes
10.	Kelantan	: 9 kes
11.	Melaka	: 7 kes
12.	Terengganu	: 3 kes
13.	Sarawak	: 1 kes
14.	Perlis	: Tiada kes
15.	W.P. Labuan	: Tiada kes
Jumlah		288 kes

Beberapa langkah telah diambil oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dalam menangani isu keganasan rumah tangga seperti:

- a) menyediakan material advokasi bagi meningkatkan kefahaman mengenai tindakan, hak serta perkhidmatan dan perlindungan yang boleh diakses oleh mangsa keganasan rumah tangga;
- b) memperluaskan hebahan mengenai bantuan dan perkhidmatan sedia ada dengan kerjasama rapat bersama badan-badan bukan kerajaan

SOALAN NO. : 123

agar mangsa dan orang ramai melaporkan kes keganasan rumah tangga yang turut diuar-uarkan melalui sistem pesanan ringkas Majlis Keselamatan Negara;

- c) membantu memastikan permohonan perlindungan melalui *Emergency Protection Order* (EPO), *Interim Protection Order* (IPO) dan *Protection Order* (PO) dapat diakses oleh mangsa sepanjang tempoh PKP termasuk mendapatkan kerjasama PDRM untuk memudahkan pergerakan mangsa untuk membuat laporan dan aduan; dan
- d) menyediakan khidmat kaunseling yang boleh diakses sama ada secara bersemuka ataupun secara atas talian dengan menghubungi Talian Kasih 15999.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR TUAN KAMARUDIN BIN
ABDUN**

SOALAN

Tuan Kamarudin bin Abdun minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat meneliti semula peruntukkan makanan kepada rumah anak-anak yatim yang berdaftar di bawah JKM dari RM8.00 adalah tidak mencukupi. Peruntukkan sekarang adalah RM8.00 sehari untuk 5 kali makan adalah tidak memadai dan memohon pihak JKM menaikkan kepada RM16.00 sehari.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah menyediakan Bantuan Kewangan kepada kepada Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) yang memberikan perkhidmatan jagaan, perlindungan dan pemulihan kepada kumpulan sasar JKM meliputi warga emas, orang kurang upaya dan kanak-kanak.

Kerajaan bersedia mempertimbangkan pemberian Geran Rangsum yang bertujuan untuk menampung sebahagian kos perbelanjaan dan penyediaan makan dan minum penghuni yang tinggal berkediaman atau datang secara harian ke Pusat Jagaan PSK tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, pemberian ini adalah tertakluk kepada syarat kelayakan dan kaedah yang telah ditetapkan di dalam Garis Panduan Pemberian Bantuan Kewangan Kerajaan Kepada PSK.

Pada masa ini, di bawah peruntukan JKM, bantuan yang disalurkan masih sebanyak RM8.00 sehari kepada penghuni yang tinggal berkediaman, manakala sebanyak RM4.00 sehari kepada penghuni yang datang secara harian.

Sebagai menyokong usaha Kerajaan, PSK wajar mengambil inisiatif untuk mendapatkan dana lain bagi menampung kos tambahan makan dan minum penghuni mengikut keperluan.

Pengiraan bantuan kewangan yang disalurkan juga akan mengambil kira prestasi kewangan semasa PSK tersebut. Ini adalah selaras dengan prinsip kebajikan tanggungjawab bersama melalui kerjasama strategik antara kerajaan dan PSK.